



## Penandaarasan Jabatan Arkib Universiti ke Jabatan Arkib Negara Malaysia

**Petaling jaya, 19 Januari 2016** - Jabatan Arkib Universiti bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Jabatan Arkib Negara Malaysia, Selangor. Lawatan yang diketuai oleh Encik Ariffin Jamaludin (Timbalan Ketua Pustakawan) ini dihadiri seramai 20 orang delegasi dari UiTM Shah Alam.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempelajari cara pengurusan kerja Jabatan Arkib Negara Malaysia untuk dipraktikkan di Jabatan Arkib Universiti, UiTM. Jabatan Arkib Universiti, UiTM juga berhasrat untuk memastikan rekod awam dapat diuruskan dengan sistematik dan berkesan mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan agar rekod dapat dipelihara. Selain itu delegasi ini turut melakukan lawatan tapak bagi melihat sendiri ciri-ciri dan keperluan yang terdapat di Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Jabatan Arkib Negara Malaysia.



En Ariffin Jamaludin menyampaikan cenderahati kepada wakil Jabatan Arkib Negara Malaysia



Staf Perpustakaan Tun Abdul Razak mendengar taklimat daripada wakil Jabatan Arkib Negara Malaysia

## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

En. Noor Hidayat Adnan



### Editor

Pn. Roslina Mohamad Ali



### Pengurus Produksi

Pn. Hajah Wan Norizan Wan Mansor



### Wartawan

En. Mohd Hazrul Mohd Hussin



### Grafik

Pn. Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Hussain



### Foto

Pn. Rostinah Mujir



Idea, Konsep dan Terbitan  
Bahagian Penerbitan, PTAR



# Penandaarasan INCEIF ke PTAR

Shah Alam, 7 Januari 2016 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima lawatan dari Knowledge Management Centre, International Centre For Education In Islamic Finance (INCEIF). Lawatan yang diwakili oleh dua orang dari INCEIF ini diiringi oleh Pegawai dari Bahagian Pengurusan Koleksi PTAR iaitu Pn Noraishah Abdullah (Pustakawan Tingkatan Kanan). Dua orang delegasi dari INCEIF adalah Cik Khairun Nisa Kamal dan Encik Ahmad Yusri Yusoff. Turut sama dalam proses kelancaran dan penyampaian informasi kepada pelawat tersebut adalah En Fahizan Hamid (Pustakawan) dan Pn Nurul Aida Noor Azizi (Pustakawan Kanan).

Secara am-nya tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat berkenaan proses penilaian koleksi di Bahagian Pengurusan Koleksi disamping mempelajari dan mendapatkan maklumat berkenaan amalan dan proses kerja di Bahagian Pengurusan Koleksi PTAR.



Wakil daripada INCEIF mendengar taklimat daripada Pegawai Bahagian Pengurusan Koleksi PTAR iaitu Pn Noraishah Abdullah

# Delegasi Pelajar Antarabangsa Ke PTAR



Para delegasi dari Korea mendengar penerangan yang disampaikan oleh Pustakawan Bahagian Perhubungan Korporat PTAR, En. Hazrul Hussin

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima lawatan daripada 12 orang delegasi dari Korea di iringi 8 orang pengiring daripada Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM. Wakil dari PTAR selaku pegawai pengiring. Taklimat disampaikan oleh En.Mohd Hazrul Hussin (Pustakawan Kanan) dari Bahagian Perhubungan Korporat PTAR.

Berikut adalah butir lawatan tersebut :

**Tarikh : 20/01/2016**

**Masa : 12.30 Tengahari**

**Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak**



12 orang delegasi dari Korea diiringi 8 orang pengiring daripada Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM



Satu taklimat berkenaan pemilihan buku bersama 63 orang pembekal buku telah diadakan seperti ketetapan berikut :

**Tarikh :** 26 Januari 2016  
**Hari :** Selasa  
**Masa :** 9.00 - 11.00 pagi  
**Tempat :** Bilik Seminar, PTAR

Tujuan utama taklimat ini adalah untuk :

1. Menyampaikan maklumat terkini berkenaan Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak (BPSB)
2. Menyampaikan maklumat berkenaan tatacara pembekalan dan penghantaran buku cetakan dan terbitan dalam dan luar negara mengikut Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Bendahari UiTM yang telah ditetapkan.
3. Memberi tunjuk ajar kepada pembekal berkenaan fungsi Vendor Portal di dalam sistem LIBSYS.
4. Menjalinkan hubungan kerjasama antara pembekal.
5. Membincangkan isu-isu semasa berkenaan penerbitan dan pembekalan buku.



Ketua Pustakawan, En. Noor Hidayat Adnan menyampaikan ucapan pada sesi taklimat



Antara pembekal buku yang hadir pada sesi taklimat

## Tazkirah : Kerja Tuntutan Ibadah

Pihak penganjur Tazkirah PTAR telah menganjurkan majlis bacaan Yaasin untuk Puan Rozita Sharudin yang bakal menjalani "major operation" pada 4 Feb 2016 di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Majlis diteruskan dengan tazkirah bulanan oleh Ustaz Hj. Md Idris Hj. Abdullah dari Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Shah Alam.

**Tarikh / Hari :** 29 Januari 2016 (Jumaat)  
**Masa :** 8.30 pagi hingga 9.30 pagi  
**Tempat :** Bilik Seminar, PTAR Utama  
**Penceramah :** Ustaz Hj. Md. Idris Hj. Abdullah  
**Tajuk :** Kerja Satu Tuntutan Ibadah



Antara staf yang hadir pada majlis bacaan Yaasin dan tazkirah

## Diari PTAR (Januari 2016)

- |                                                                            |                 |
|----------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1. Kick of Digital Signage                                                 | 06 Januari 2016 |
| 2. Penandaarasan INCEIF ke PTAR                                            | 07 Januari 2016 |
| 3. Penandaarasan Jabatan Arkib & PTAR ke Pusat Rekod Arkib Negara Malaysia | 19 Januari 2016 |
| 4. Penandaarasan Delegasi Korea diiringi Akademi Pengajian Bahasa UiTM     | 20 Januari 2016 |
| 5. Taklimat bersama pembekal buku PTAR                                     | 26 Januari 2016 |
| 6. Tazkirah Bulanan : Kerja Tuntutan Ibadah                                | 29 Januari 2016 |